

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/98

**FEBRUARI 1998**

**EUP 212 - JURUTERA DALAM MASYARAKAT**

Masa: [ 3 jam ]

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) muka surat bercetak dan TUJUH (7) soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SATU (1) soalan dalam setiap bahagian.

Bahagian A: Jawab SATU (1) soalan.

Bahagian B: Jawab SATU (1) soalan.

Bahagian C: Jawab SATU (1) soalan.

Bahagian D: Jawab SATU (1) soalan.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sut sebelah kanan sebagai peratusan daripada markah keseluruhan yang diperuntukkan bagi soalan berkenaan.

Jawab semua soalan di dalam Bahasa Malaysia.

Mesinkira boleh diunakan.

**BAHAGIAN A: ASAS PENGURUSAN**

**Jawab SATU soalan.**

1. (a) Bincangkan pengajaran praktikal daripada teori kesaksamaan yang anda boleh gunakan dalam pengurusan personel perkilangan.
- (b) Terangkan fungsi, proses dan aliran komunikasi dalam organisasi.

(25 markah)

2. (a) Perihalkan kaitan teori keperluan dengan motivasi anda dalam peningkatan kerjaya anda dikalangan rakan sejawat,
- (b) Prestasi berjaya bergantung kepada gabungan usaha, kemampuan, dan kepakaran yang betul. Berikan pendapat anda tentang pergabungan yang berkesan dalam membina satu pasukan kerja yang berprestasi tinggi.

(25 markah)

**BAHAGIAN B: ASAS PERAKAUNAN**

**Jawab SATU soalan.**

3. Syarikat Nik menjual keluarannya pada RM60 tiap unit. Kos perkilangan ubahan tiap unit adalah RM32, kos penjualan ubahan tiap unit adalah RM4, jumlah kos perkilangan tetap adalah RM120,000 tiap tahun, dan jumlah belanja penjualan dan pentadbiran tetap adalah RM60,000 tiap tahun. Sepanjang tahun 12,500 unit telah dihasilkan, 10,000 unit telah dijual dan tiada inventori awal telah direkodkan.
- (i) Tentukan kos inventori akhir melalui pengekosan ubahan dan pengekosan serapan.
  - (ii) Tentukan jumlah kos tetap dikenakan bagi tempoh melalui pengekosan ubahan dan pengekosan serapan.
  - (iii) Sediakan penyata pendapatan bagi tahun melalui pengekosan ubahan dan pengekosan serapan.

(25 markah)

4. Syarikat Perabot Maju menggunakan sistem kos tempahan kerja. Data kos dan pengendalian bagi bulan Mei adalah seperti yang berikut:

Bahan mentah dibeli	RM229,700
Kos buruh langsung	RM236,800
Bahan mentah dikeluarkan untuk pengeluaran	RM212,800
Overhed perkilangan sebenar dikenakan (termasuk susutnilai RM17,600)	RM219,200
Kos barang dikilangkan	RM609,600
Jam mesin	43,200 jam
Jualan	RM672,000

Syarikat mengenakan overhed perkilangan terhadap pengeluaran pada kadar RM5 tiap jam mesin. Inventori awal bahan mentah adalah RM25,600; inventori awal kerja dalam proses adalah RM43,200. Inventori awal dan akhir barangan siap adalah RM64,000 dan RM83,200 masing-masing.

- (i) Adakah overhed perkilangan dikenakan terlebih atau terkurang bagi bulan Mei?
- (ii) Hitungkan inventori akhir bahan mentah dan kerja dalam proses bagi bulan Mei.

(25 markah)

**BAHAGIAN C: UNDANG-UNDANG & PERLEMBAGAAN**

**Jawab SATU soalan.**

5. Bincangkan secara ringkas mengenai tiga dari yang berikut:

- (i) Doktrin tauladan kehakiman
- (ii) Kewajipan berjaga-jaga oleh profesional
- (iii) Mahkamah perindustrian
- (iv) Mahkamah sesyen
- (v) Perlembagaan Persekutuan

(25 markah)

6. Encik Robert, pengarah urusan dan pemilik tunggal Alam Riang-Riang Sdn. Bhd. mempunyai sebuah hartanah yang akan dijadikan sebuah kuari dan memerlukan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar. Laporan ini akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar. Maka, ia memerlukan khidmat daripada seorang jururunding alam sekitar untuk melakukan kajian alam sekitar ke atas hartanah tersebut dan seterusnya menyediakan satu laporan.

Pada 1 April jam 4:00 petang, Encik Robert menghantar satu faks kepada seorang jururunding alam sekitar, Ir. Ali, dengan membuat tawaran kepadanya supaya menjadi jururundingnya untuk menyediakan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar. Encik Robert juga meminta sebutbarga daripada Ir. Ali ke atas perkhidmatan yang akan dibuat. Ir. Ali menjawab surat Encik Robert melalui faks pada 6 April jam 3:30 petang dengan menyatakan bahawa dia menerima tawaran itu dengan melampirkan sebutbarga untuk khidmatnya yang berjumlah RM60,000.

Pada 5 April pula Encik Robert pergi membuat kerja luar selama 3 hari dan setiausahanya pula gagal menghubunginya mengenai penerimaan tawaran Ir. Ali.

Pada 7 April, Encik Robert berjumpa dengan kawan lamanya Ir. Wadian yang berkebetulan seorang jururunding alam sekitar. Encik Robert terus menawarkan kerja kepada Ir. Wadian untuk menyediakan laporan tersebut dengan bayaran khidmat yang dipersetujui sebanyak RM65,000. Selepas itu dengan menggunakan perkhidmatan di hotel penginapannya, Encik Robert menghantar sekeping faks kepada Ir. Ali pada 7 April jam 11:00 pagi dengan menyatakan pembatalan tawarannya yang terdahulu.

Bincangkan undang-undang yang terlibat dalam hal ini dan tindakan apakah yang boleh atau tidak boleh diambil kepada pihak yang terlibat.

(25 markah)

**BAHAGIAN D: ETIKA & PROFESIONALISME**

7. (a) Nyatakan hak bagi setiap kumpulan berikut:

- (i) Pelanggan
- (ii) Jurutera
- (iii) Pemborong

(b) Terangkan dengan ringkas apakah yang boleh dan/atau tidak boleh dilakukan oleh seorang jurutera dalam bidang yang berkaitan dengan tugas-tugas seperti yang berikut:

- (i) Pengalaman dan kelulusan
- (ii) Persaingan
- (iii) Imbuhan

(c) Selain daripada yang dinyatakan dalam soalan 7(b), nyatakan tiga lagi bidang yang telah diambil kira oleh etika kejuruteraan dan perihalkannya bagi setiap satu.

(25 markah)